

25/09/1998

Usah bertindak secara melulu

Yahaya Ibrahim

ASSALAMUALAIKUM `orang-orang' Datuk Seri Anwar Ibrahim. Istilah `orang-orang' Anwar ini saya ambil daripada kenyataan bekas Timbalan Perdana Menteri itu sendiri pada sidang akhbar di malam sejeurus beliau menerima surat pemecatan daripada jawatannya.

Pada malam itu, saya dan mungkin saudara juga menunggu dengan penuh minat ingin melihat dan mendengar apa yang bakal disuarakan beliau melalui kaca televisyen. Malam itu Anwar mengatakan "orang-orang saya, yang berani ke depan...".

Istilah `orang-orang saya' itu tidak lain dan tidak bukan ditujukan kepada penyokong setia beliau yang menimbulkan curiga awal saya terhadap gerakan beliau selama ini semasa dalam Umno.

Sebagai seorang pemimpin yang pada masa itu masih lagi ahli Umno dan wakil rakyat, istilah itu amat tidak wajar digunakan, malah lebih manis disebut `ahli-ahli Umno' atau `rakyat Malaysia' sebagaimana lazim dalam ucapan sebelumnya.

Di kalangan rakan-rakan berpendapat memang sahlah selama 16 tahun di dalam Umno, Anwar memang mengumpul kekuatan dengan cara merekrut dan mengumpul pengikut yang berpotensi menjadi ayam tambatannya, terutama di kalangan Pemuda.

Tindakan itu bukan saja mengingkari arahan Presiden parti agar ahli Umno bersatu tanpa ada kem, malah Anwar terlebih dahulu menubuhkan kem `gestaponya' dalam parti dengan membawa `consultant' dan fasilitatornya daripada Angkatan Belia Islam Malaysia (Abim).

Sebagai bekas pemimpin pelajar, saya dapat mengesan pemimpin Pemuda Umno mula diserapi oleh bekas pemimpin pelajar yang semasa di kampus dahulu terdiri daripada golongan berhaluan kiri dan penentang kerajaan. Saya dan beberapa rakan yang sama-sama mempertahankan kerajaan daripada dinista semasa di kampus dulu turut kecewa kerana Umno bakal diterajui mereka yang tidak tulen dari segi semangat dan perjuangannya.

Mereka menyertai Umno kerana ada agenda di sebaliknya atas undangan Anwar. Ini terbukti Abim dan Jemaah Islam Malaysia (JIM) melenting dengan pemecatan Anwar.

Siapa Abim dan JIM yang ingin mencampuri urusan rumah tangga Umno? Perdana Menteri dan Majlis Tertinggi (MT) Umno berhak melantik dan juga memecat sesiapa saja yang difikirkan layak. Ini jawatan politik, dan seperti kata Datuk Dr Rais Yatim, seorang pemimpin itu harus bersedia bila-bila masa untuk diturunkan selepas ianya dilantik. Saudara orang-orang Anwar. Tentu masih ingat, dulu semasa Anwar dikendong masuk oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke dalam Umno, ramai ahli Umno yang menyambutnya dengan perasaan gembira dan menganggapnya suatu kemenangan Umno ke atas Pas sebelum pilihan raya.

Pada masa itu, Pas sendiri amat kecewa dan berpatah arang terhadap Anwar dan menganggapnya sebagai pengkhianat. Sebelum itu Pas mendakwa Anwar akan terjun ke arena politik atas tiket parti itu. Mungkin juga lamaran Pas tidak begitu menarik berbanding cita-cita besar beliau.

Harus diingat, Anwar bukannya manusia yang cepat berpuas hati selagi beliau tidak dapat memegang teraju nombor satu di dalam sesuatu gerakan atau pertubuhan yang disertainya. Bagaimanapun ketokohan Dr Mahathir dan keyakinan yang diberikan berserta janji yang menepati seleranya, tawaran itu disambut beliau.

Ternyata dalam tempoh yang singkat, Dr Mahathir menunaikan janjinya

terhadap Anwar dengan kedudukannya sebagai timbalan sebelum beliau dipecat walaupun sumbangannya terhadap Umno dan kerajaan tidak seberapa berbanding tokoh lain yang lebih senior.

Peningkatan Anwar dalam arena politik dikagumi semua, walaupun pada hakikatnya beliau memijak kepala banyak pemimpin Umno yang lebih senior atau veteran. Seperti kata tokoh lain dalam Umno, Anwar ditatang bagai anak raja di dalam Umno, dan tiada siapa berani 'menjentik telinganya' seandainya beliau degil, membuat silap ataupun berperangai buruk, selagi Dr Mahathir menjadi ketua isi rumah Umno. Sayang dan manja tak bertempat oleh seorang bapa itulah yang menyebabkan seorang anak itu akan hilang pedoman, tidak mengenang budi seterusnya sanggup menderhaka terhadap orang tuanya apabila hajatnya tidak dapat dipenuhi dengan segera.

Sebagaimana pengakuan Dr Mahathir sendiri, beliau acap kali diberitahu akan tindak-tanduk Anwar, iaitu sejak Tan Sri (kini Tun) Haniff Omar menjadi Ketua Polis lagi. Tetapi beliau sentiasa menafikan dan menganggapnya sebagai satu usaha menjatuhkan orang harapannya oleh kerana selama ini beliau menganggap Anwarlah calon terbaik untuk menggantikan tempatnya.

Saudara orang-orang Anwar. Bukanlah tujuan saya membela PM atau sesiapa, tetapi memandangkan kefahaman atau ideologi saudara telah dipesongkan untuk menjadi pak turut hanya melalui ucapan yang tidak berasas dan tohmahan yang dilemparkan, maka janganlah kita bertindak melulu bagai orang yang kurang waras.

Sememangnya seseorang yang kecewa akan melakukan apa saja tanpa menghiraukan kepentingan dan keselamatan umum. Ternyata Anwar sanggup memperjudikan keselamatan orang awam demi mencapai matlamat politiknya.

Beliau sanggup mengatakan apa saja, malah bersumpah demi menarik keyakinan dan sokongan ramai walaupun terbukti faktanya jauh daripada logik. Hanya mereka yang merasakan diri mereka pernah teraniaya, gagal dalam cita-cita dan singkat pertimbangannya saja yang sedia menerima apa saja tanpa usul periksa.

Saudara orang-orang Anwar. Sebenarnya saya tidak rela saudara sekalian memperkosa keamanan dan keharmonian rakyat Malaysia dan melacurkan imej Islam semata-mata ingin membela seseorang yang belum tahu salah benarnya. Biarlah mahkamah yang memutuskan.

Kita bukan lagi hidup di zaman 60-an di mana perasaan tidak puas hati serta tentangan terhadap kerajaan boleh dilakukan sewenang-wenangnya dengan cara terpekik terlolong di merata masjid dan surau. Apatah lagi dengan mengaitkan isu agama dan mendabik dada sebagai pemimpin rakyat atau ulama untuk mendapat perhatian dan simpati rakyat.

Semua orang boleh mengaku pemimpin rakyat ataupun ulama termasuklah tukang karut, bila bercakap di masjid dan menggunakan isu agama walaupun untuk mempertahankan kepalsuan.

Sehari dua ini, taktik murahan sedemikian mungkin mendapat simpati dan sokongan sebahagian daripada saudara yang sememangnya hipokrit, fanatik dan tidak sabar seperti pemimpin yang saudara sanjungi itu.

Namun saya percaya situasi ini hanya bersifat sementara dan janganlah kita samakan keadaan kita dengan Indonesia, walaupun model reformasi sebeginilah yang cuba dipraktikkan oleh idola saudara tanpa menghiraukan kemusnahan dan kerosakan yang bakal ditanggung kita semua.

Saudara orang-orang Anwar. Sedarlah kini telur tembelang yang dihadihkan kepada saudara telah mula retak dan menunggu masa bila-bila saja untuk pecah. Oleh itu eloklah saudara buangkannya jauh-jauh atau kembalikan saja kepada mereka yang menghadihkan kepada saudara agar ianya tidak pecah terburai di dalam saku saudara. Oleh itu, berfikirlah secara waras dan matang sebelum bertindak.